PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah kekal stabil

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.00% pada suku keempat 2016. Pada paras semasa OPR ini, keadaan monetari kekal menyokong aktiviti ekonomi.

Sebagai mencerminkan OPR yang tidak berubah ini, kadar antara bank semalaman secara relatif stabil pada suku itu dalam julat 2.90% hingga 3.00%. Kadar antara bank untuk tempoh matang satu bulan dan kurang juga secara relatif stabil. Kadar antara bank 3 bulan, meskipun secara relatif stabil, meningkat sebanyak empat mata asas sejak akhir bulan September hingga akhir bulan Disember berikutan persaingan untuk pendanaan yang stabil dalam keadaan aliran keluar dana bersih. Mencerminkan kadar antara bank yang stabil, Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (KLIBOR) 3 bulan stabil pada suku tersebut dan hanya meningkat sebanyak satu mata asas kepada 3.41%.

Seiring dengan perkembangan tersebut, kadar pinjaman runcit stabil pada suku keempat. Kadar asas (base rate, BR) purata berwajaran bagi bank perdagangan tidak berubah pada 3.61%. Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul juga secara relatif stabil, menurun sebanyak lima mata asas sejak akhir bulan September hingga akhir bulan Disember[2]. Secara purata, kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) kekal tidak berubah bagi tempoh matang 1 tahun dan kurang.

Kadar Faedah

	2015	2016	
	S4	S3	S4
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.25	3.00	3.00
Kadar antara bank			
Semalaman	3.05	2.99	3.00
1 bulan	3.45	3.08	3.10
Kadar pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.79	6.65	6.65
Kadar asas (BR) purata berwajaran			
Bank perdagangan	3.77	3.61	3.61
Kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran			
Bank perdagangan	5.40	5.27	5.21
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
1 bulan	3.08	2.87	2.86
12 bulan	3.31	3.07	3.06

Sumber: Bank Negara Malaysia

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

[2] Sebagai perbandingan, ALR berwajaran menurun sebanyak 16 mata asas pada suku ketiga.

Swap Kadar Faedah: Kadar Faedah



Sumber: Bloomberg

Niaga Hadapan KLIBOR 3 Bulan



Sumber: Bursa Malaysia

M3 berkembang pada suku keempat

Wang secara kecil atau M1 berkurang sebanyak RM22.6 bilion pada suku keempat. Pada asas tahunan, M1 mencatat pertumbuhan 5.7% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September: 0.1%). Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM25.0 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat pertumbuhan tahunan 3% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September: 2.2%).

Peningkatan M3 pada suku itu didorong terutamanya oleh pemberian kredit yang terus meningkat kepada sektor swasta oleh sistem perbankan. Walau bagaimanapun, peningkatan ini diimbangi sebahagiannya oleh pengaruh lain, mencerminkan kesan penilaian semula pertukaran asing dan pertumbuhan Akaun Pelaburan Islam yang berterusan.

Dalam sistem perbankan, keadaan mudah tunai kekal lebih daripada mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia secara relatif kekal stabil pada suku keempat.

Agregat Monetari



Nota: Mulai bulan Julai 2015, penyusunan M3 diselaraskan untuk tidak mengambil kira Akaun Pelaburan Islam (Islamic Investment Account, IA) disebabkan oleh pengelasan semula data. Ini dicerminkan sebagai sumbangan negatif melalui *pengaruh lain*. Garis titik mewakili pertumbuhan M3 sekiranya pengelasan semula ini tidak dilaksanakan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh				
	2015		2016		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
M3	**12.1**	**40.8**	**6.4**	**25.0**	**47.9**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	5.1	-8.9	2.0	18.9	18.1
Tuntutan terhadap sektor swasta	31.6	120.3	23.5	31.6	88.7
Pinjaman	*25.7*	*106.1*	*18.7*	*37.2*	*83.5*
Sekuriti	*5.9*	*14.1*	*4.8*	*-5.6*	*5.2*
Aset asing bersih[1]	-0.2	22.0	1.3	10.1	-5.8
BNM	*-5.7*	*1.0*	*14.4*	*18.8*	*14.9*
Sistem Perbankan	*5.5*	*21.0*	*-13.1*	*-8.8*	*-20.7*
Pengaruh lain	-24.4	-92.6	-20.4	-35.5	-53.1

[1] Selepas penilaian semula
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan sektor swasta kekal kukuh pada suku keempat

Pada suku keempat 2016, jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan, institusi kewangan pembangunan (IKP) dan pasaran modal berjumlah RM316.2 bilion (S3 2016: RM293.8 bilion). Pada asas bersih, pertumbuhan pinjaman sistem perbankan, IKP dan terbitan bon korporat terkumpul menjadi sederhana kepada 5.5% pada suku keempat (S3 2016: 6.5%), mencerminkan terutamanya pertumbuhan bon korporat terkumpul bersih yang sederhana dalam keadaan pertumbuhan pemberian pinjaman yang lebih tinggi oleh sistem perbankan dan IKP pada suku itu. Pertumbuhan bon korporat terkumpul yang sederhana disebabkan terutamanya oleh asas lebih tinggi pada bulan Disember 2015 kerana terdapat terbitan besar sekali sahaja oleh beberapa syarikat.

Pemberian pinjaman bersih kepada perniagaan oleh sistem perbankan dan IKP meningkat sebanyak RM21.8 bilion pada suku keempat (S3 2016: RM7.8 bilion). Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul yang diberikan oleh sistem perbankan dan IKP juga meningkat dengan nyata sebanyak 4.8% (S3 2016: 2%). Selain itu, jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada perniagaan meningkat pada suku itu dengan paras pinjaman lebih tinggi diberikan terutamanya kepada sektor *kewangan, insurans, dan perkhidmatan perniagaan; pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi* dan *harta tanah*. Pembiayaan yang diberikan

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan, Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman kepada PKS



[1] Sistem perbankan sahaja
[2] Sistem perbankan dan IKP

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan, IKP dan Pasaran Modal

	2015		2016			2015		2016		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
Jumlah pembiayaan kasar	**342.0**	**1,224.8**	**293.8**	**316.2**	**1,193.7**	**7.3**	**1.3**	**-0.9**	**-7.5**	**-2.5**
Pengeluaran pinjaman	293.9	1,123.4	263.6	296.2	1,102.3	-0.9	1.5	-6.6	0.8	-1.9
Bon korporat (BK) kasar[1]	40.6	83.5	27.0	19.2	84.3	91.4	1.2	128.0	-52.5	1.0
Ekuiti	7.5	17.9	3.2	0.8	7.1	681.5	-6.5	28.0	-89.5	-60.4
Jumlah pembiayaan bersih	**55.2**	**159.9**	**39.9**	**37.7**	**114.0**	**8.4**	**8.4**	**6.5**	**5.5**	**5.5**
Pinjaman terkumpul (Sistem perbankan* dan Institusi Kewangan Pembangunan (IKP))	23.0	112.6	21.9	40.4	84.1	7.7	7.7	4.3	5.3	5.3
BK terkumpul	32.2	47.4	17.9	-2.7	29.9	10.7	10.7	14.2	6.1	6.1
Memorandum										
BK kasar[2]	40.6	85.6	27.6	19.2	85.3	87.9	0.2	109.8	-52.5	-0.4

* Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
[1] Tidak termasuk Cagamas dan terbitan asing
[2] Termasuk Cagamas dan terbitan asing
Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2015		2016			2015		2016		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
Jumlah										
Permohonan pinjaman[1]	215.6	827.2	204.0	198.6	802.8	2.6	0.6	-9.3	-7.9	-3.0
Kelulusan pinjaman[1]	100.2	393.2	87.6	93.1	346.9	-5.8	-2.0	-9.2	-7.1	-11.8
Pengeluaran pinjaman[2]	293.9	1,123.4	263.6	296.2	1,102.3	-0.9	1.5	-6.6	0.8	-1.9
Bayaran balik pinjaman[2]	276.6	1,060.2	257.9	279.2	1,078.4	3.4	3.1	-2.6	0.9	1.7
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*[,2]	23.0	112.6	21.9	40.4	84.1	7.7	7.7	4.3	5.3	5.3
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan[3]										
Permohonan pinjaman	107.6	396.8	93.9	92.4	376.8	7.2	2.7	-16.9	-14.1	-5.0
Kelulusan pinjaman	49.0	179.9	40.0	46.4	165.9	6.2	12.4	-9.1	-5.3	-7.8
Pengeluaran pinjaman	212.1	804.8	187.1	217.8	796.0	-1.2	2.2	-8.9	2.7	-1.1
Bayaran balik pinjaman	205.7	777.9	185.2	206.7	786.2	4.4	3.5	-5.1	0.4	1.1
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	5.4	41.9	7.8	21.8	28.0	7.7	7.7	2.0	4.8	4.8
PKS										
Permohonan pinjaman	41.6	186.2	48.3	46.4	182.7	-8.6	3.0	-5.9	11.5	-1.9
Kelulusan pinjaman	14.9	64.8	17.1	19.1	66.9	-5.6	1.6	-0.9	28.0	3.1
Pengeluaran pinjaman	69.9	273.3	66.7	72.1	267.6	9.6	14.4	-4.9	3.2	-2.1
Bayaran balik pinjaman	67.6	258.2	67.4	69.2	265.9	14.8	13.7	0.6	2.5	3.0
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	5.9	35.0	4.9	8.6	24.6	14.6	14.6	8.2	9.0	9.0
Bukan PKS[3]										
Permohonan pinjaman	66.0	210.6	45.5	46.1	194.1	20.3	2.5	-26.0	-30.2	-7.8
Kelulusan pinjaman	34.1	115.0	22.9	27.3	99.1	12.3	19.6	-14.4	-19.8	-13.9
Pengeluaran pinjaman	142.2	531.5	120.4	145.7	528.4	-5.7	-3.1	-10.9	2.4	-0.6
Bayaran balik pinjaman	138.2	519.7	117.8	137.4	520.3	0.0	-0.9	-8.1	-0.5	0.1
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	-0.5	7.0	2.9	13.2	3.4	2.3	2.3	-3.3	1.1	1.1
Isi rumah										
Permohonan pinjaman	108.0	430.4	110.1	106.2	426.0	-1.5	-1.3	-1.6	-1.7	-1.0
Kelulusan pinjaman	51.2	213.4	47.6	46.7	181.0	-15.0	-11.6	-9.3	-8.9	-15.2
Pengeluaran pinjaman	81.8	318.6	76.5	78.3	306.4	-0.3	-0.4	-0.5	-4.2	-3.8
Bayaran balik pinjaman	70.8	282.3	72.7	72.5	292.2	0.6	1.9	4.4	2.4	3.5
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	18.4	63.8	12.1	16.1	49.2	7.6	7.6	5.8	5.5	5.5

* Pertumbuhan tahunan adalah bagi akhir tempoh
[1] Permohonan dan kelulusan pinjaman bagi semua segmen merangkumi sistem perbankan sahaja
[2] Pengeluaran, bayaran balik dan perubahan dalam pinjaman terkumpul bagi semua segmen merangkumi sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP)
[3] Termasuk institusi kewangan bukan bank domestik, institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor (Sistem Perbankan dan IKP)

	Pengeluaran pinjaman						Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh (RM bilion)					Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
						(%)	
	S4 2015	Tahun	S3 2016	S4 2016	Tahun		
Perusahaan perniagaan[1,*]	**212.1**	**804.8**	**187.1**	**217.8**	**796.0**	**72.2**	**42.9**
Bukan PKS[1]	*142.2*	*531.5*	*120.4*	*145.7*	*528.4*	*47.9*	*25.0*
*PKS**	*69.9*	*273.3*	*66.7*	*72.1*	*267.6*	*24.3*	*18.0*
Sektor terpilih[1]							
Pertanian, perburuan, perhutanan dan perikanan	11.4	43.6	12.4	12.0	48.8	4.4	2.7
Perlombongan dan kuari	6.2	21.3	2.2	2.3	8.4	0.8	0.8
Perkilangan	54.4	212.5	51.9	54.4	206.2	18.7	6.4
Pembinaan	17.1	66.7	17.5	18.5	69.8	6.3	4.6
Harta tanah	13.3	53.4	13.4	16.2	56.9	5.2	6.6
Bekalan elektrik, gas dan air	2.8	9.8	2.0	2.3	9.3	0.8	0.8
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	54.0	203.6	50.7	53.2	204.2	18.5	7.0
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	4.4	23.7	5.6	10.3	29.8	2.7	2.7
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	32.0	105.1	21.7	34.0	111.0	10.1	3.3
Isi rumah	**81.8**	**318.6**	**76.5**	**78.3**	**306.4**	**27.8**	**57.1**
Pembelian harta kediaman	21.9	85.3	18.8	20.1	78.9	7.2	27.7
Kredit penggunaan	49.8	189.6	48.7	48.8	190.2	17.3	19.4
Antaranya:							
Kad kredit	*27.5*	*103.7*	*27.2*	*28.3*	*108.0*	*9.8*	*2.2*
Pembelian kereta penumpang	*10.2*	*41.0*	*9.2*	*9.1*	*35.6*	*3.2*	*8.8*
Lain-lain	10.1	43.7	9.0	9.5	37.3	3.4	10.0
Jumlah	**293.9**	**1,123.4**	**263.6**	**296.2**	**1,102.3**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.
[1] Termasuk institusi kewangan bukan bank domestik, institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

kepada PKS juga kekal tinggi dengan pinjaman PKS terkumpul meningkat 9% pada asas tahunan pada S4 2016 (S3 2016: 8.2%).

Pembiayaan bersih kepada sektor isi rumah oleh sistem perbankan dan IKP meningkat sebanyak RM16.1 bilion pada suku keempat (S3 2016: RM12.1 bilion). Pada asas tahunan, pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul yang diberikan oleh sektor perbankan dan IKP menjadi sederhana kepada 5.5% pada S4 2016 (S3 2016: 5.8%), mencerminkan terutamanya berkurangnya pinjaman untuk *pembelian kereta penumpang* dan *harta kediaman*. Peminjam yang berupaya membayar balik hutang terus mendapat akses kepada pembiayaan pada suku itu.

Pembiayaan bersih daripada pasaran modal lebih rendah

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal menurun kepada RM2.1 bilion pada suku keempat 2016 (S3 2016: RM13.5 bilion). Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh dana bersih lebih rendah yang diperoleh sektor swasta.

Dalam sektor swasta, terbitan bon korporat kasar adalah lebih rendah sebanyak RM19.2 bilion (S3 2016: RM27.6 bilion) dalam keadaan ketidaktentuan dan turun naik pasaran yang lebih nyata pada suku keempat. Di samping itu, penebusan yang besar sebanyak RM22.1 bilion (S3 2016: RM10.0 bilion) mengimbangi terbitan lantas menghasilkan penebusan bersih sebanyak RM2.8 bilion pada suku keempat (dana bersih yang diperoleh pada S3 2016: RM17.5 bilion) Dana yang diperoleh dalam pasaran bon swasta kebanyakannya daripada Kewangan, Insurans, Harta Tanah dan Perkhidmatan Perniagaan dan digunakan terutamanya untuk membiayai projek infrastruktur, modal kerja dan aktiviti perniagaan am.

Dalam sektor awam, dana bersih yang diperoleh lebih tinggi sebanyak RM4.1 bilion pada suku keempat (dana bersih yang diperoleh pada S3 2016: -RM7.2 bilion). Dana telah diperoleh melalui terbitan baharu Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) 3 tahun serta pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 10 tahun dan 20 tahun, serta GII 7 tahun, 10 tahun dan 20 tahun. Penebusan hutang Kerajaan lebih rendah pada RM11 bilion (S3 2016: RM28 bilion) pada suku keempat lantas menyumbang kepada peningkatan dana bersih yang diperoleh sektor awam.

Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2015		2016		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Oleh Sektor Awam	**13.5**	**46.8**	**(7.2)**	**4.1**	**39.2**
Sekuriti Kerajaan, Kasar	21.7	100.4	20.8	15.1	87.4
Sekuriti Kerajaan Malaysia	10.9	51.3	11.9	3.9	44.1
Terbitan Pelaburan Kerajaan	10.9	41.1	8.9	11.2	43.2
Sukuk Perumahan Kerajaan	-	8.0	-	-	-
Tolak: Penebusan	8.2	53.6	28.0	11.0	48.1
Sekuriti Kerajaan Malaysia	8.2	41.1	24.0	-	26.1
Terbitan Pelaburan Kerajaan	-	12.5	4.0	11.0	22.0
Sukuk Perumahan Kerajaan	-	-	-	-	-
Oleh Sektor Swasta	**37.9**	**62.8**	**20.7**	**(2.0)**	**35.2**
Saham	7.5	17.9	3.2	0.8	7.1
Bon korporat, Bersih	30.5	44.9	17.5	(2.8)	28.1
Bon korporat, Kasar	*40.6*	*85.6*	*27.6*	*19.2*	*85.3*
Tolak: Penebusan	*10.1*	*40.8*	*10.0*	*22.1*	*57.2*
Jumlah	**51.4**	**109.6**	**13.5**	**2.1**	**74.4**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Tebitan Bon Korporat Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



[1] Termasuk terbitan untuk tujuan perbelanjaan modal, modal kerja dan aktiviti perniagaan am dan terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar hasil bon meningkat pada suku keempat

Trend kadar hasil MGS meningkat pada suku keempat 2016, sejajar dengan kadar hasil bon global. Ini didorong oleh pengimbangan semula portfolio pelaburan oleh pelabur terhadap aset dolar Amerika Syarikat, terutamanya ekuiti, berikutan keputusan Pilihan Raya Presiden AS. Jangkaan bahawa kadar faedah akan meningkat, kenaikan sebenar dalam kadar dasar Federal Reserve AS pada bulan Disember 2016, serta jangkaan bahawa kadar faedah AS akan kembali ke paras wajar dalam tempoh yang lebih cepat pada tahun 2017 juga menyebabkan kesan limpahan ke atas kadar hasil bon pada peringkat global, termasuklah kadar hasil MGS. Pelabur bukan pemastautin mengurangkan pemegangan MGS sebanyak RM12.9 bilion pada suku keempat. Kesannya, kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing meningkat sebanyak 62.6, 46.2 dan 67.7 mata asas. Dalam pasaran bon korporat, peningkatan kadar hasil secara relatif terkawal dalam keadaan pemegangan bon korporat yang rendah dan stabil oleh bukan pemastautin serta permintaan berterusan oleh pelabur domestik.

Urus niaga dalam pasaran bon lebih rendah

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder lebih rendah pada RM223.4 bilion pada suku keempat (S3 2016: RM269.1 bilion) dalam keadaan ketidakpastian yang berpunca daripada keputusan pilihan raya Amerika Syarikat dan apabila pelabur bersedia menghadapi kemungkinan yang lebih tinggi bahawa kadar faedah Amerika Syarikat akan dinaikkan. Sehubungan dengan itu, semua segmen mencatat nisbah mudah tunai yang lebih rendah berbanding dengan suku sebelumnya. Segmen MGS, GII dan bon korporat masing-masing mencatat nisbah mudah tunai 0.36, 0.26 dan 0.06.

Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun dan Kadar Hasil Bon Korporat 5 tahun



Sumber: Bank Negara Malaysia

Nisbah Mudah Tunai: Nilai Bon yang Diurusniagakan / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

FBM KLCI merosot pada suku keempat

Pada suku keempat 2016, FBM (FTSE Bursa Malaysia) KLCI merosot 0.7% untuk ditutup pada 1,641.7 mata pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2016: 1,652.6 mata). Pada suku keempat, pasaran ekuiti telah terjejas akibat jangkaan pasaran bahawa kadar faedah AS akan kembali ke paras wajar dalam tempoh yang lebih cepat. Selain itu, ketidakpastian yang berpunca daripada keputusan Pilihan Raya Presiden AS telah menyebabkan pengimbangan semula portfolio oleh pelabur global lantas mengurangkan pemegangan ekuiti Malaysia. Walau bagaimanapun, kesan penurunan ini dikurangkan oleh sentimen pasaran yang bertambah baik menjelang akhir tahun 2016 dalam keadaan kenaikan harga minyak dunia berikutan perjanjian OPEC untuk mengurangkan pengeluaran. Di Malaysia, indeks juga disokong oleh sentimen positif susulan pengumuman Belanjawan 2017 dan pembelian aktif saham mewah terpilih apabila pelabur mengukuhkan kedudukan pelaburan mereka menjelang akhir tahun 2016.

Secara keseluruhan, permodalan pasaran berkurang kepada RM1.67 trilion pada akhir bulan Disember 2016 (akhir bulan September 2016: RM1.69 trilion) manakala urus niaga purata harian menurun kepada 1.54 bilion unit (S3 2016: 1.87 bilion unit) pada suku keempat.

Pada 14 Februari 2017, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1708.9 mata (sejak akhir bulan Disember 2016: +4.1%), dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.75 trilion (sejak akhir bulan Disember 2016: +4.9%).

Prestasi Pasaran Ekuiti Global dan Serantau Terpilih pada 2016 (% pertumbuhan suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2015		2016		
	Pada akhir				
	Dis	Tahun	Sept	Dis	Tahun
Indeks harga					
Komposit	1,692.5	1,692.5	1,652.6	1,641.7	1,641.7
FBMEMAS[1]	11,793.7	11,793.7	11,687.6	11,466.5	11,466.5
Pasaran ACE[2]	6,389.2	6,389.2	5,219.9	4,780.7	4,780.7
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,695.2	1,695.2	1,686.2	1,667.4	1,667.4
Bilangan syarikat yang disenaraikan	903	903	905	904	904
	Pada tempoh				
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
Urus niaga harian purata					
Jumlah (juta unit)	2,234.0	2,038.3	1,870.0	1,540.5	1,762.9
Nilai (RM juta)	2,149.7	2,082.2	1,876.7	1,931.0	1,963.8

[1] FBMEMAS mewakili pasaran Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2015				2016					
	S4		Tahun		S3		S4		Tahun	
	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion
Urus niaga	138.5	133.3	501.4	512.2	114.1	114.5	95.5	119.7	433.7	484.1
Antaranya:										
Papan Utama	82.5	121.4	299.1	464.6	73.2	107.8	65.0	114.2	289.8	457.9
Antaranya										
Produk Pengguna	7.0	6.8	26.9	25.6	4.9	6.1	4.4	5.9	26.2	26.3
Produk Industri	19.1	21.8	59.0	60.0	14.2	14.1	14.1	15.9	57.1	65.1
Pembinaan	3.9	4.6	16.5	22.9	3.4	4.7	4.4	6.0	15.8	21.3
Dagangan/Khidmat	32.4	51.3	124.7	204.3	31.9	47.4	25.7	47.8	119.3	194.7
Kewangan	2.9	17.7	12.8	79.6	4.1	18.2	4.0	21.9	14.8	83.7
Harta Benda	7.5	5.0	23.7	18.9	4.6	4.9	3.4	3.4	19.9	15.0
Perladangan	1.7	5.0	5.0	15.6	1.7	5.7	1.8	6.2	6.5	23.5
Infrastruktur	1.0	4.3	4.2	18.8	0.7	2.5	0.7	2.6	2.9	11.0
Pasaran ACE[1]	36.7	8.3	139.2	32.2	19.2	3.4	14.8	2.1	77.8	14.1

[1] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Kelemahan ringgit didorong terutamanya oleh faktor luaran

Ringgit dan semua mata wang utama dan serantau menyusut nilai berbanding dengan dolar AS pada suku keempat. Penyusutan nilai ini didorong terutamanya oleh aliran keluar pelaburan portfolio daripada ekonomi sedang pesat membangun dalam keadaan ketidakpastian yang timbul daripada keputusan Pilihan Raya Presiden AS. Jangkaan bahawa kadar faedah akan meningkat, kenaikan sebenar dalam kadar dasar Federal Reserve AS pada bulan Disember 2016, serta jangkaan bahawa kadar faedah AS akan kembali ke paras wajar dalam tempoh yang lebih cepat pada tahun 2017 memburukkan lagi aliran keluar portfolio dan terus menambah tekanan terhadap kebanyakan mata wang utama dan serantau. Ringgit juga menghadapi pelarasan tambahan pada suku itu berikutan kegiatan spekulasi dalam pasaran kontrak hadapan tanpa serahan (non-deliverable forward contract, NDF). Namun ringgit bersama-sama mata wang serantau mulai stabil menjelang akhir suku keempat dalam keadaan pasaran kewangan global semakin stabil. Pelaksanaan langkah-langkah untuk membangunkan, menperdalam dan menangani ketidakseimbangan yang semakin nyata dalam pasaran pertukaran asing domestik dan harga minyak mentah dunia yang lebih kukuh juga menjadikan pasaran pertukaran asing domestik lebih stabil menjelang akhir suku tersebut.

Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 7.6% berbanding dengan dolar AS pada suku keempat. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan euro (-1.6%), paun sterling (-2.4%) dan dolar Australia (-2.5%), tetapi menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (6.3%). Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan semua mata wang serantau, kecuali won Korea, antara 2.1% hingga 5.6%.

Antara 1 Januari hingga 14 Februari 2017, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (0.8%). Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan euro (0.1%) tetapi menyusut

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

Peratus Perubahan (1 Oktober - 30 Disember 2016)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh			% perubahan sejak*	
	S4 2015	S3 2016	S4 2016	S4 2015	S3 2016
Dolar AS	4.2920	4.1455	4.4860	-4.3	-7.6
Euro	4.6918	4.6500	4.7238	-0.7	-1.6
Paun sterling	6.3607	5.3775	5.5108	15.4	-2.4
Dolar Australia	3.1338	3.1632	3.2436	-3.4	-2.5
100 yen Jepun	3.5645	4.0881	3.8442	-7.3	6.3
Dolar Singapura	3.0356	3.0359	3.1016	-2.1	-2.1
100 baht Thailand	11.922	11.943	12.517	-4.7	-4.6
100 peso Filipina	9.1494	8.5492	9.0516	1.1	-5.6
100 rupiah Indonesia	0.0311	0.0319	0.0334	-6.9	-4.4
100 won Korea	0.3651	0.3762	0.3720	-1.8	1.1
100 dolar Taiwan Baharu	13.056	13.236	13.915	-6.2	-4.9
Renminbi China	0.6610	0.6215	0.6455	2.4	-3.7

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia

nilai berbanding dengan paun sterling (-1.2%), yen Jepun (-1.9%) dan dolar Australia (-5.0%). Ringgit menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dalam tempoh tersebut.

Aktiviti derivatif pertukaran asing lebih giat pada suku keempat 2016 kerana turun naik pasaran kewangan meningkat selepas keputusan pilihan raya Presiden AS pada pertengahan November

Jumlah derivatif pertukaran asing lebih tinggi sebanyak 9.9% (S3 2016: -11.1%) pada suku keempat berbanding dengan tempoh yang sama tahun sebelumnya. Ini disumbangkan oleh jumlah swap FX antara bank yang lebih tinggi (13.3%) dan urus niaga swap kadar faedah mata wang bersilang (2.5%). Peningkatan dalam jumlah swap FX antara bank disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam permintaan terhadap dolar AS berikutan pelarasan portfolio bukan pemastautin selepas keputusan pilihan raya Presiden AS, langkah menaikkan kadar faedah oleh Federal Reserve AS pada bulan Disember dan keperluan mudah tunai dolar pada akhir tahun. Aktiviti swap FX antara bank juga mencatat pertumbuhan 12% pada S4 2016 berbanding dengan S3 2016 manakala jumlah urus niaga hadapan berkurang 1% daripada suku sebelumnya.

Swap kadar faedah mata wang bersilang USD/MYR 5 tahun meningkat kepada 68 mata asas daripada 55 mata asas pada suku sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan oleh permintaan yang tinggi terhadap mudah tunai dolar AS dalam pasaran domestik, di tengah-tengah jangkaan kenaikan kadar faedah Amerika Syarikat.